

PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KOMUNIKASI BAHASA INGGERIS
MENERUSI BADAN BERUNIFORM PALAPES UTHM

NURUL HAERANI BINTI MOHAMAD

Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai
memenuhi syarat penganugerahan
Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JANUARI 2013

ABSTRAK

Beberapa tahun kebelakangan ini isu pengangguran dalam kalangan siswazah di Malaysia seringkali dipaparkan oleh pihak media massa. Beberapa andaian timbul berikutan isu ini seperti graduan yang dikeluarkan oleh universiti tempatan tidak dapat berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris. Kerajaan dalam usaha untuk menghasilkan kualiti graduan yang dapat memenuhi keperluan industri yang tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) menggunakan aktiviti kokurikulum sebagai satu saluran untuk menerapkan kemahiran insaniah termasuklah kemahiran komunikasi dalam Bahasa Inggeris. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti penerapan, kesedaran dan penguasaan pelajar mengenai kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris menerusi kokurikulum badan beruniform PALAPES UTHM berdasarkan elemen-elemen kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris. Responden yang dipilih terdiri daripada 88 orang Pegawai Kadet PALAPES peringkat Senior. Kajian ini dijalankan secara kajian kes dengan menggunakan instrumen analisis dokumen, pemerhatian, temu bual dan borang soal selidik. Data yang dikumpulkan telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package of Social Science (SPSS) versi 20.0* untuk memperoleh nilai min, kekerapan dan peratusan. Dapatan kajian menunjukkan kurang penerapan kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris menerusi aktiviti kokurikulum dalam PALAPES. Dapatan kajian juga menunjukkan Pegawai Kadet PALAPES peringkat Senior sedar akan penerapan kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris ini, tetapi kurang menguasai kemahiran ini menerusi badan beruniform PALAPES UTHM. Pengkaji mencadangkan agar pihak badan beruniform PALAPES melakukan perubahan terhadap sistem pengurusan latihan PALAPES supaya bersifat lebih komprehensif dan lebih fleksibel.

ABSTRACT

Recently the issue of unemployment among graduates in Malaysia often displayed by the media. Some assumptions arising from these issues such as graduates produced by the universities could not communicate in English. Government in an effort to produce high quality graduates in order to fulfill the needs of high industry, the Ministry of Higher Education Malaysia (MOE) using co-curricular activities as a channel to apply soft skills including communication skills. Therefore, these study was undertaken to identify the application, awareness and student's mastery in English communication skills through co-curricular activities at UTHM's uniformed bodies. Selected respondents consisting of 88 Senior's ROTU Cadet Officer. Using a case study as an approach, document analysis, observation, interview and questionnaires was undertaken as the instruments. Data collected were analyzed using the Statistical Package of Social Science (SPSS) version 20.0 to obtain the mean value, frequency and percentage. The results showed less applications of English communication skills through co-curricular activities in ROTU. The results also shows that the Senior Cadet Officer of ROTU aware of English communication skill application, but less mastered these skills through UTHM ROTU's uniformed body. These study suggests that the uniform bodies of ROTU make a changes to the management system of ROTU's training system to be more comprehensive and more flexible.

KANDUNGAN

	TAJUK	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar belakang masalah	3
	1.3 Penyataan masalah	6
	1.4 Tujuan kajian	6
	1.5 Objektif kajian	6
	1.6 Persoalan kajian	7
	1.7 Kepentingan kajian	7
	1.8 Skop kajian	9
	1.9 Batasan kajian	9
	1.10 Definisi istilah dan operational	10
	1.11 Kerangka teori	13
	1.12 Kerangka konsep	16
	1.13 Rumusan	17

BAB 2	KAJIAN LITERATUR	18
2.1	Pengertian kokurikulum	18
2.2	Kokurikulum di Institusi Pengajian Tinggi (IPT)	20
2.3	Penerapan kemahiran insaniah menerusi kokurikulum	24
2.4	Kesan positif kokurikulum dalam membangunkan kemahiran insaniah	26
2.5	Kesan negatif kokurikulum dalam membangunkan kemahiran insaniah	27
2.6	Kemahiran insaniah menerusi badan beruniform	28
2.7	Kemahiran berkomunikasi	30
2.8	Komunikasi Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar	33
2.9	Rumusan	36
BAB 3	METODOLOGI	37
3.1	Pengenalan	37
3.2	Reka bentuk kajian	37
3.3	Populasi dan sampel kajian	39
3.4	Lokasi kajian	39
3.5	Instrumen kajian	40
3.5.1	Dokumen	40
3.5.2	Pemerhatian	40
3.5.3	Temu bual	42
3.5.4	Borang soal selidik	44
3.6	Pemboleh ubah kajian	47
3.7	Kerangka operasi kajian	48
3.8	Kesahan instrumen dan kebolehpercayaan instrumen	51
3.8.1	Kesahan instrumen	51
3.8.2	Kebolehpercayaan instrumen	53
3.9	Kajian rintis	54
3.10	Analisis kajian	55
3.10.1	Analisis dokumen	56
3.10.2	Analisis pemerhatian	57
3.10.3	Analisis temu bual	58
3.10.4	Analisis soal selidik	58
3.11	Rumusan	60

BAB 4	ANALISIS DATA	61
4.1	Pengenalan	61
4.2	Kebolehpercayaan instrumen soal selidik	62
4.3	Demografi responden	63
4.3.1	Jantina responden	64
4.3.2	Umur responden	64
4.3.3	Bangsa responden	65
4.3.4	Peringkat penglibatan	65
4.4	Dapatan kajian	65
4.4.1	Penerapan elemen kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris dalam aktiviti kokurikulum menerusi badan beruniform PALAPES UTHM	66
4.4.2	Kesedaran pelajar terhadap elemen kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris menerusi aktiviti badan beruniform PALAPES UTHM	82
4.4.3	Penguasaan pelajar terhadap elemen kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris menerusi aktiviti badan beruniform PALAPES UTHM	87
4.5	Rumusan	94
BAB 5	PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	95
5.1	Pengenalan	96
5.2	Perbincangan dapatan kajian	96
5.2.1	Penerapan elemen kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris menerusi aktiviti kokurikulum badan beruniform PALAPES UTHM	96
5.2.2	Kesedaran Pegawai Kadet PALAPES peringkat Senior terhadap penerapan elemen kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris menerusi aktiviti kokurikulum badan beruniform PALAPES UTHM	99

5.2.3	Penguasaan Pegawai Kadet PALAPES peringkat Senior terhadap penerapan elemen kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris menerusi aktiviti kokurikulum badan beruniform PALAPES UTHM	101
5.3	Rumusan	104
5.4	Cadangan	104
5.5	Penutup	106
	RUJUKAN	107
	LAMPIRAN	118

SENARAI JADUAL

2.1	Elemen-elemen kemahiran berkomunikasi	32
3.1	Pembahagian item soal selidik	44
3.2	Skala <i>Likert</i> bagi persoalan mengenai elemen-elemen kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris yang diterapkan menerusi PALAPES	46
3.3	Skala <i>Likert</i> bagi persoalan mengenai kesedaran pegawai kadet PALAPES terhadap kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris	46
3.4	Skala <i>Likert</i> bagi persoalan mengenai penguasaan pegawai kadet PALAPES terhadap kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris	47
3.5	Jadual sebelum kesahan dan selepas kesahan pakar PALAPES	51
3.6	Jadual sebelum kesahan dan selepas kesahan pakar KI dan komunikasi	52
3.7	Jadual sebelum kesahan dan selepas kesahan pakar bahasa	52
3.8	Interpretasi Skor <i>Alpha Cronbach</i> (α)	53
3.9	Kaedah analisis yang digunakan mengikut persoalan kajian	56
3.10	Interpretasi skor min	59
3.11	Pecahan-pecahan item mengikut elemen-elemen kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris	59
4.1	Kebolehpercayaan bagi setiap elemen kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris	62
4.2	Maklumat diri responden	63

4.3	Analisis dokumen Rancangan Pengurusan Latihan (RPL) Peringkat Senior terhadap penerapan elemen kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris	67
4.4	Analisis dokumen modul kurikulum PALAPES UTHM terhadap penerapan elemen kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris	69
4.5	Analisis jumlah kekerapan terhadap penerapan elemen kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris berdasarkan senarai semak pemerhatian	74
4.6	Analisis temu bual terhadap penerapan elemen komunikasi Bahasa Inggeris menerusi badan beruniform PALAPES UTHM	76
4.7	Analisis skor min, kekerapan dan peratusan penerapan bagi item elemen kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris	79
4.8	Analisis temu bual terhadap kesedaran pelajar berdasarkan elemen kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris	83
4.9	Analisis skor min, kekerapan dan peratusan kesedaran pelajar terhadap elemen kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris	84
4.10	Analisis temu bual terhadap penguasaan pelajar berdasarkan elemen komunikasi Bahasa Inggeris menerusi badan beruniform PALAPES	88
4.11	Analisis skor min, kekerapan dan peratusan penguasaan pelajar terhadap elemen kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris	90

SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka teori	15
1.2	Kerangka konsep	17
2.1	Empat dimensi sifat manusia	23
2.2	Model konseptual Pembangunan Pelajar berteraskan kokurikulum	24
2.3	Konsep Kokurikulum Di Institusi Pengajian Tinggi (IPT)	26
3.1	Kerangka operasi kajian	50
4.1	Pegawai Kadet Senior sedang menjalani latihan TEWT	75

SENARAI SINGKATAN

KI	-	Kemahiran Insaniah
PALAPES	-	Pasukan Latihan Pegawai Simpanan
KPT	-	Kementerian Pengajian Tinggi
IPT	-	Institusi Pengajian Tinggi
HEP	-	Hal Ehwal Pelajar
SUKSIS	-	Pasukan Sukarelawan Siswa Siswi
SISPA	-	Siswa Siswi Pertahanan Awam
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
ROTU	-	Reserve Officers Training Unit
AKRAB	-	Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam Malaysia
KIT	-	Kemahiran Insaniah Tambahan
KIM	-	Kemahiran Insaniah Mesti
FPK	-	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
UTHM	-	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
UUM	-	Universiti Utara Malaysia
UniMAP	-	Universiti Malaysia Perlis
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
IPTA	-	Institusi Pengajian Tinggi Awam
ATM	-	Angkatan Tentera Malaysia
MK	-	Markas Kompeni
TD	-	Tentera Darat
KTD	-	Kolej Tentera Darat
ATMA	-	Akademik Tentera Malaysia
LT	-	Latihan Tempatan
LL	-	Latihan Lanjutan
NCVR	-	National Centre for Vocational Education Research
TEWT	-	Tactical Exercise Without Troops

SENARAI LAMPIRAN

A	Surat kebenaran menjalankan kajian dan borang pengesahan soal selidik	120
B	Rubrik Kemahiran Insaniah (Kemahiran Komunikasi) UTHM	129
C	Rancangan Pengurusan Latihan (RPL) peringkat Senior	133
D	Modul kurikulum PALAPES UTHM	153
E	Borang pemerhatian	163
F	Gambar aktiviti kokurikulum PALAPES UTHM	176
G	Skrip temu bual	181
H	Transkrip temu bual keseluruhan	184
I	Borang soal selidik	201
J	Analisis borang soal selidik	208

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dunia pasca moden menjadikan cabaran yang sengit dihadapi oleh masyarakat dalam memelopori permintaan pekerjaan dan mempertahankan kerja yang diperoleh untuk memenuhi pertumbuhan ekonomi dan globalisasi (Gibb & Curtin, 2004). Globalisasi dan k-ekonomi sering dikaitkan dengan permintaan pekerjaan. Ramlee & Ramziah (2002) mengaitkan k-ekonomi dengan dua elemen penting iaitu modal insan dan infrastruktur *information and communication technology (ICT)*. Era k-ekonomi dan globalisasi mencetus kepada keperluan modal insan dalam kalangan profesional dan semi-profesional serta buruh yang berpengetahuan dan berkemahiran (Ramlee *et al.*, 2008). Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun tidak ketinggalan perlu bersaing dalam era tanpa sempadan untuk setanding dengan negara maju serta mencapai Wawasan 2020.

Perubahan yang berlaku memberikan impak kepada senario pekerjaan di mana penggunaan teknologi canggih dan terkini diguna pakai untuk setanding arena global dan ini mengubah percaturan di tempat kerja (Syed Sofian, 2009). Ghosh (2004) berpendapat dalam ekonomi masa kini; pengetahuan, khidmat pelanggan, inovasi, prestasi yang tinggi sangat penting dan kemahiran generik diperlukan untuk mendapat pekerjaan dan kemajuan yang berterusan. Persekitaran tempat kerja yang

berubah secara langsung akan memberi implikasi kepada modal insan. Kecenderungan *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)*, *International Labour Organisation (ILO)* dan *European Union* terhadap kemahiran generik telah menyebabkan institusi pengajian berlumba-lumba untuk melahirkan graduan yang dapat memenuhi kehendak pasaran kerja pada era global dan fenomena kerja yang sering berubah (Callan, 2003).

Kemahiran teknikal sahaja tidak menjamin kebolehpasaran kerja bagi graduan sama ada dalam bidang profesional atau separa profesional. Davis & Woodward (2006) dalam kajiannya menunjukkan majikan bukan sahaja melihat kepada kemahiran teknikal malah kemahiran generik (*soft skills*) yang tinggi untuk bersaing. Kemahiran bukan teknikal atau generik telah menjadi pemangkin kebolehpasaran kerja di arena sejagat (Syed Sofian, Kamaruddin, Ruhizan & Ramlee, 2009). Nordin (2008) menegaskan di dalam era sejagat yang berteraskan pengetahuan, kejayaan sebuah negara bergantung kepada pengetahuan yang dimiliki dan inovasi yang dihasilkan dan dengan itu, menjadi tanggungjawab institusi pengajian tinggi untuk merealisasikan dan melahirkan tenaga kerja yang berpengetahuan serta mencapai modal insan kelas pertama.

Jamalis & Fauzee (2007) menyatakan seiring dengan kualiti yang diharapkan oleh pihak industri, kemahiran generik perlu diaplikasikan terhadap pelajar ke dalam pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja menerusi kurikulum, malahan penerapan menerusi kokurikulum turut disarankan. Kemahiran generik diperlukan oleh seorang pelajar untuk mengadaptasikan diri dengan pelbagai situasi pekerjaan dan sekali gus dapat melahirkan seorang pelajar yang berkualiti dalam semua bidang (Azalya, 2005). Kemahiran generik adalah satu kemahiran umum selain kemahiran teknikal dalam bidang pengkhususan masing-masing yang diperlukan oleh seseorang itu untuk bekerja dengan berkesan di tempat kerja, berkebolehan dalam menyelesaikan masalah, berkomunikasi secara efektif, berfikir secara kritikal dan kreatif, bekerja berpasukan, mampu menghadapi daya saing dan sebagainya (Mohammad, 2004).

Kemahiran insaniah (KI) merupakan kemahiran generik. Kemahiran komunikasi adalah salah satu daripada tujuh elemen utama KI yang telah digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada tahun 2006. Komunikasi berasal daripada perkataan iaitu Latin *communicates* yang membawa maksud *to make common* atau mewujudkan persamaan (Yaacob, 2001). Menurut Yusof (2003), komunikasi melibatkan penyampaian idea dan perasaan kepada pihak lain.

Kemahiran komunikasi melibatkan komunikasi berkesan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (KPT, 2006). Isu tahap penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan graduan sudah menjadi sinonim bagi rakyat Malaysia. Penggunaan Bahasa Inggeris dalam bidang sains dan teknologi, perubatan perdagangan dan lain-lain memang jelas, lebih-lebih lagi dalam era globalisasi dan pengetahuan ekonomi. Menurut Pearson & Nelson (2000), dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi, Bahasa Inggeris banyak digunakan seolah-olah Bahasa Inggeris menjadi satu hakikat bahawa untuk memperoleh ilmu dan maklumat mesti menerusi Bahasa Inggeris. Ini menjadikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa teknologi yang sangat penting (Azizuddin, 2006).

Oleh yang demikian, pencapaian cemerlang pelajar dalam bidang akademik dilihat tidak menjamin seseorang itu untuk mendapat pekerjaan. Kegagalan siswazah untuk mendapat tempat dalam pasaran kerja sering kali dikaitkan dengan kelemahan pelajar dalam menguasai KI yang diperlukan oleh majikan. Sehubungan dengan itu, IPT dilihat sebagai tempat yang sesuai untuk menerapkan KI di kalangan pelajar sebelum bergelar graduan. Berdasarkan FPK yang menghendaki seseorang pelajar itu menguasai ilmu ke arah kecemerlangan diri, pengisian maklumat tidak tertumpu dalam bidang kurikulum semata-mata. Kokurikulum juga merupakan salah satu saluran pendidikan yang penting untuk menyampaikan ilmu kepada pelajar. Justeru itu, KPT melihat aktiviti kokurikulum sebagai tempat yang sesuai untuk menerapkan KI kepada para pelajar selain pembelajaran berasaskan kurikulum.

1.2 Latar belakang masalah

Seiring dengan perubahan ekonomi dunia, kemahiran komunikasi merupakan satu kemestian yang mesti dimiliki sebagai seorang pekerja industri. Kredit diberikan kepada pekerja yang berkeupayaan menguasai pelbagai bahasa terutama Bahasa Inggeris dan majikan masa sekarang memerlukan pekerja yang mahir berkomunikasi lisan dan bukan lisan (Mohamed Ariffin, 2010). Nordin & Mohd Tahir (2004) mendapati juga kebanyakan majikan masa kini memerlukan pekerja yang bukan sahaja memiliki kemahiran teknikal tetapi juga memerlukan kemahiran generik untuk meningkatkan produktiviti syarikat untuk berdaya saing. Bahasa Inggeris menjadi

sangat penting kerana globalisasi dan pengantarabangsaan telah mengubah struktur kerjaya, mempengaruhi pendidikan, latihan kemahiran dan mencabar reka bentuk kurikulum dalam budaya majmuk serta pendidikan kosmopolitan.

Masalah graduan menganggur bukanlah suatu masalah yang baru diperkatakan. Tahun demi tahun masalah ini pasti berulang dan kadar peningkatan ini menjadi beban kepada kerajaan dan masyarakat. Yusoff & Rahim (2007), mendapati salah satu punca yang mendorong masalah ini terus membelenggu graduan-graduan yang menganggur ialah penguasaan kemahiran dalam berkomunikasi ketika di temu duga oleh majikan. Graduan gagal melepasi sesi temu duga seandainya penemu duga berkomunikasi sepenuhnya dalam Bahasa Inggeris. *A.C. Nielsen Research Service* (2000) mendapati tahap keyakinan dan penguasaan kemahiran berkomunikasi Bahasa Inggeris ketika memberi maklum balas merupakan antara punca kegagalan temu duga. Isu ini turut dipaparkan melalui akhbar *The Star* edisi 24 April 2007, 30.5 peratus pelajar IPT masih menganggur selepas enam bulan tamat pengajian dan punca pengangguran termasuklah kurangnya penguasaan komunikasi dalam Bahasa Inggeris.

Dalam bidang ketenteraan, komunikasi yang baik adalah penting untuk kejayaan mana-mana misi. Untuk menjadi seorang pegawai yang berjaya, kemahiran untuk membuat keputusan dengan cepat, jelas dan tepat adalah penting terutama ketika melaksanakan misi. Tugas sebagai seorang pegawai juga adalah untuk memberi taklimat serta informasi kepada orang bawahan di samping mendapatkan kepercayaan mereka (Abidin, Hashim & Razali, 2006). Selain itu, elemen komunikasi ini juga turut diterapkan melalui latihan-latihan ketenteraan seperti taktik, kawad, baca peta, ilmu medan perang, latihan jasmani serta regimental. Oleh itu, kemahiran komunikasi yang efektif adalah menjadi tuntutan sebagai pegawai dan bakal pegawai tentera.

Menurut Hussin, Zakaria & Salleh (2008), Institusi Pengajian Tinggi (IPT) berperanan untuk melahirkan golongan sarjana dan ilmuwan yang menjalankan pengkajian bagi tujuan mengembangkan ilmu bagi pembangunan masyarakat. Cabaran kecemerlangan IPT kini dikaitkan secara langsung dengan keupayaan menghasilkan graduan yang menjadi pilihan utama industri, majikan dan pasaran pekerjaan. Sehubungan dengan ini, Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah Untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia telah dilancarkan pada 22 Ogos 2006 oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia bertujuan bagi melahirkan modal insan

berkualiti, berketerampilan dan mampu berdaya saing hingga ke peringkat antarabangsa. Tujuh elemen KI telah dikenal pasti untuk dijadikan atribut yang perlu dikuasai oleh graduan IPT termasuklah elemen kemahiran komunikasi (Abu, Kamsah & Razzaly, 2008).

Pada peringkat IPT, kokurikulum menjadi agen utama dalam penerapan unsur KI ini. Aktiviti kokurikulum di IPT juga menjadi pelengkap kepada kitaran pendidikan yang melibatkan domain kognitif, afektif dan psikomotor. Aspek afektif dan psikomotor dapat diaplikasikan penerapannya dalam kokurikulum yang melibatkan lima komponen asas iaitu sukan, persatuan, kesenian dan badan beruniform (Fauzee *et. al*, 2002). Badan beruniform di IPT merupakan kokurikulum yang merangkumi aktiviti beruniform seperti PALAPES, SUKSIS, Jabatan Pertahanan Awam, Bulan Sabit Merah dan lain-lain lagi. Hal ini turut di sokong oleh Nordin & Othman (2006), yang mengatakan aktiviti-aktiviti yang dijalankan melalui badan beruniform ini dapat menyumbang kepada perkembangan dalam berkomunikasi.

Kemahiran komunikasi merupakan salah satu daripada tujuh elemen KI yang telah dikenal pasti untuk dijadikan atribut yang perlu dikuasai oleh graduan IPT (Abu, Kamsah & Razzaly, 2008). Penguasaan bahasa selain daripada bahasa ibunda merupakan satu nilai tambah buat pelajar. Dalam era pekerjaan pesat masa kini, penguasaan Bahasa Inggeris adalah menjadi satu kemestian untuk graduan mendapat tempat yang selesa dalam bidang pekerjaan. Kokurikulum melalui pendidikan di universiti merupakan laluan terbaik dalam membentuk pelbagai kemahiran tambahan pelajar. Jamaludin (2009) mendapati bahawa melalui aktiviti kokurikulum yang disertai oleh pelajar mampu meningkatkan keyakinan diri dalam usaha untuk melengkapkan diri pelajar tersebut dengan pelbagai kemahiran sebelum menempuh alam pekerjaan yang lebih mencabar. Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan bahawa kokurikulum menjadi pemangkin dalam pembangunan KI seperti kokurikulum berkredit yang telah dilaksanakan mulai tahun 2007 bagi menggalakkan pelajar berkomunikasi dengan berkesan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam pelbagai konteks dan bentuk komunikasi (UPM, 2007).

1.3 Penyataan masalah

Penguasaan kemahiran komunikasi terutama dalam Bahasa Inggeris yang lemah ketika di temu duga oleh majikan merupakan salah satu punca graduan gagal menempatkan diri dalam industri. Kemahiran komunikasi merupakan salah satu daripada tujuh elemen KI yang telah dikenal pasti untuk dijadikan atribut yang perlu dikuasai oleh graduan IPT. Satu usaha untuk memperkembangkan atribut tersebut dilaksanakan melalui pembentukan badan beruniform PALAPES dalam sistem Kokurikulum IPTA. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat keberkesanan PALAPES UTHM dalam menerapkan elemen kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris menerusi program dan aktiviti yang dijalankan.

1.4 Tujuan kajian

Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji sejauhmana kemahiran komunikasi terutama Bahasa Inggeris dibentuk dalam kalangan pelajar menerusi badan beruniform PALAPES di UTHM.

1.5 Objektif kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Menenal pasti penerapan kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris dalam aktiviti kokurikulum menerusi badan beruniform PALAPES UTHM .
- ii. Menenal pasti kesedaran kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar menerusi aktiviti kokurikulum badan beruniform PALAPES UTHM .
- iii. Menenal pasti penguasaan kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar menerusi aktiviti kokurikulum badan beruniform PALAPES UTHM.

1.6 Persoalan kajian

Soalan kajian yang dibentuk adalah seperti berikut:

- i. Adakah kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris diterapkan dalam aktiviti kokurikulum menerusi badan beruniform PALAPES UTHM?
- ii. Bagaimanakah kesedaran pelajar terhadap kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris menerusi aktiviti kokurikulum badan beruniform PALAPES UTHM?
- iii. Bagaimanakah penguasaan pelajar terhadap kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris menerusi aktiviti kokurikulum badan beruniform PALAPES UTHM?

1.7 Kepentingan kajian

Pada akhir kajian ini, pengkaji mengharapkan hasil kajian dapat memberi impak positif kepada tiga pihak yang terbabit iaitu:

1.7.1 Badan beruniform PALAPES UTHM

Bagi pihak PALAPES UTHM, kajian ini diharapkan dapat menambah baik kaedah pengurusan dan perancangan aktiviti mereka supaya menepati hasrat sebenar kokurikulum itu dibangunkan termasuklah pelaksanaan KI yang merangkumi kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris. Dengan itu, sebarang kelemahan terhadap elemen kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris yang perlu diterapkan dapat dikenal pasti dan secara tidak langsung meningkatkan kualiti sistem pengajaran dan pembelajaran.

1.7.2 Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) UTHM

Bagi pihak HEP pula, khususnya pihak pengurusan, hasil kajian ini dapat memberi gambaran yang jelas terhadap tindakan susulan yang perlu dilakukan untuk mencapai hasrat KPT dalam pelaksanaan KI merangkumi kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris dalam kokurikulum. Di samping itu juga, kajian ini dapat memberi gambaran terhadap sejauh mana penerapan kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris dapat dibentuk melalui badan beruniform PALAPES. Berdasarkan dapatan kajian ini, usaha penambahbaikan dapat dirangka bagi mengatasi kelemahan yang telah dikesan.

1.7.3 Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)

Kajian ini secara tidak langsung dapat memberi impak kepada pihak KPT di mana keberkesanan kursus kokurikulum yang dirancang berdasarkan konsep pendidikan formal berkredit yang diperkenalkan pada tahun 2007 dapat dinilai semula terutama sekali kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris. Seterusnya diharap pihak KPT dapat merangka pelan penambahbaikan jika terdapat masalah pada pelan pelaksanaan yang sedia ada berdasarkan kepada hasil dapatan kajian mengenai kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris.

Hasil dapatan kajian ini dapat memberi maklum balas terhadap pelaksanaan aktiviti kokurikulum menerusi badan beruniform PALAPES UTHM terhadap penerapan kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris yang merupakan satu daripada tujuh kemahiran dalam KI seperti yang di sasarkan oleh KPT.

1.8 Skop kajian

Kajian ini hanya memfokuskan kepada tiga bahagian sahaja iaitu:

- i. Pengkaji memfokuskan kajian kepada kokurikulum berkredit badan beruniform di UTHM (240 jam sepanjang pengajian).
- ii. Menumpukan kepada kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris (satu daripada tujuh elemen KI).
- iii. Tumpuan kepada pelajar dan pegawai/jurulatih PALAPES UTHM.

1.9 Batasan kajian

Dalam kajian ini, batasan-batasan kajian yang perlu dikenal pasti adalah seperti berikut:

i. Masa

Memandangkan masa yang diperuntukkan untuk membuat kajian adalah sangat terhad iaitu hanya dua semester atau bersamaan dengan satu tahun, ini sebenarnya tidak mencukupi untuk mengkaji dengan lebih mendalam terhadap tahap pengaplikasian kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris pelajar menerusi badan beruniform PALAPES UTHM. Tambahan pula aktiviti kokurikulum yang dijalankan oleh PALAPES hanya bertumpu pada hujung minggu dan cuti semesta pelajar serta tempoh perjalanan aktiviti melibatkan enam semesta (240 jam).

ii. Kewangan.

Kajian ini dijalankan di UTHM sahaja disebabkan jarak membataskan pengkaji untuk membuat kajian di IPTA yang lain di samping faktor kewangan pengkaji sebagai pelajar membataskan pengkaji untuk membuat kajian di kawasan yang lebih luas ruang lingkupnya.

iii. Kefahaman responden terhadap soal selidik

Kefahaman responden terhadap soal selidik yang diedarkan juga adalah penting. Keadaan ini akan mempengaruhi jawapan responden. Responden akan memberikan jawapan yang sepatutnya jika responden memahami kehendak soalan soal selidik. Keadaan yang sebaliknya akan berlaku jika responden tidak faham dengan soalan yang dikemukakan.

iv. Kejujuran responden

Ketepatan kajian ini banyak bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan para responden dalam memberi maklum balas soal selidik yang diberikan kepada mereka tanpa sebarang prejudis pilih kasih.

1.10 Definisi istilah dan operasional

Dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah penting dan setiap satunya pengkaji huraikan sebagai berdasarkan istilah dan operasional dengan merujuk kepada konteks kajian. Definisi istilah dan operasional tersebut adalah:

i. Penerapan

Ensiklopedia Global (2001) mendefinisikan penerapan sebagai perihal atau perbuatan menerapkan, mengenakan, menyerapkan dan mempraktikkan dan sebagainya. Dalam konteks kajian ini, penerapan ialah sebagai tindakan atau perbuatan pihak pengurusan markas latihan PALAPES UTHM dalam menerapkan kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris menerusi program latihan dan aktiviti kokurikulum yang dijalankan serta untuk melihat sejauh mana kesedaran dan penguasaan pelajar terhadap penerapan elemen kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris melalui badan beruniform PALAPES UTHM.

ii. Kemahiran

Kemahiran merupakan kebolehan untuk mendapatkan pengetahuan dalam peringkat menyempurnakan tugas (*Expert Panel On Skills*, 2000). Gallagher (1999), pula merumuskan kemahiran sebagai set kemahiran yang merangkumi asas, teknikal, pengurusan dan kepimpinan. Dalam konteks kajian ini, pengkaji mengkaji aspek kemahiran iaitu kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar.

iii. Kemahiran komunikasi

Kemahiran Komunikasi melibatkan komunikasi yang berkesan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam konteks yang berlainan (KPT, 2006). Komunikasi mempunyai tujuan dan fungsi. Antara fungsi komunikasi ialah memberi maklumat, menunjuk/mempengaruhi, memahami dan membuat keputusan. Elemen utama komunikasi ialah sumber, mesej, saluran, penerima serta maklum balas. Dalam konteks kajian, pengkaji menggunakan elemen-elemen komunikasi iaitu kebolehan menyampaikan idea dengan jelas, berkesan dan penuh keyakinan secara lisan Bahasa Inggeris, kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberi maklum balas dalam Bahasa Inggeris, kebolehan membuat pembentangan secara jelas dengan penuh keyakinan dan bersesuaian dengan tahap pendengar dalam Bahasa Inggeris dan kebolehan mengembangkan komunikasi perseorangan Bahasa Inggeris sebagai tema dalam kajian.

iv. Badan beruniform

Satu kumpulan yang terdiri daripada gabungan keahlian dan mempunyai dasar-dasar tertentu untuk diikuti dan dipatuhi. Badan beruniform di peringkat IPT merupakan salah satu pasukan yang boleh disertai pelajar selain daripada kelab dan persatuan. disertai oleh murid-murid sekolah. PALAPES, SUKSIS, Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA) dan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam Malaysia (AKRAB) antara badan beruniform yang aktif di UTHM. Dalam konteks kajian, pengkaji memilih badan beruniform PALAPES sebagai populasi kajian.

v. PALAPES

PALAPES ialah Pasukan Latihan Pegawai Simpanan atau dalam Bahasa Inggeris dikenali sebagai "Reserve Officers Training Unit (ROTU)". Penubuhan PALAPES mula diusahakan oleh Brigedier Jeneral Dato' Abul'As bin Ismail, Pengarah Askar Wataniah dalam tahun 1979. Beliau telah berusaha menemui beberapa orang Naib Canselor universiti-universiti dan juga Pengarah ITM bagi merealisasikan idea penubuhan pasukan ini di IPT di Negara ini. Kerjasama erat dan persetujuan antara IPT, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pertahanan telah membuka satu era baru dalam sejarah pertahanan negara. PALAPES memberi peluang kepada para pelajar merasai latihan ketenteraan, memupuk disiplin dan kepimpinan serta membentuk personaliti intelektual yang mempunyai ketahanan mental dan fizikal yang tinggi. Dalam konteks kajian, pengkaji memilih PALAPES UTHM sebagai sampel kajian.

vi. Kokurikulum

Kokurikulum adalah aktiviti pembelajaran tidak formal yang berteraskan keperluan pelajar mengalami sendiri aktiviti-aktiviti kependidikan dalam keadaan sebenar (Abd. Wahab, 2002). Dalam konteks kajian, kokurikulum PALAPES menjadi bidang tujah pengkaji dalam menjalankan kajian ini.

vii. Pembangunan

Pembangunan ditakrifkan sebagai kemajuan yang meliputi pertumbuhan dan perkembangan budaya, negara dan tingkat hierarki manusia. (Aroff & Kasa, 2002). Dalam konteks kajian ini, pembangunan merujuk kepada penerapan, kesedaran dan penguasaan terhadap elemen kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris menerusi badan beruniform PALAPES UTHM.

Berdasarkan kepada istilah-istilah yang telah pun pengkaji kupas, maka kajian yang bertajuk Pembangunan Kemahiran Komunikasi Bahasa Inggeris Menerusi Badan beruniform PALAPES UTHM telah pengkaji jalankan dengan menjadikan pegawai kadet peringkat tiga (Senior) semester 1 sesi 2012/2013 sebagai responden utama kajian.

1.11 Kerangka teori

Kerangka teori seperti Rajah 1.1 adalah sebagai asas bagi pengkaji dalam melaksanakan kajian ini. Pengkaji mengadaptasi teori ini berdasarkan Teori Penglibatan Pelajar Astin (1984). Penglibatan pelajar merujuk kepada kuantiti dan kualiti tenaga fizikal dan psikologi pelajar yang terlibat dalam pengalaman di kolej. Pengalaman ini terdiri daripada pelbagai jenis seperti kerja-kerja akademik, penyertaan dalam aktiviti kokurikulum dan interaksi dengan fakulti dan lain-lain kakitangan institusi. Menurut Astin (1999), semakin tinggi kadar penglibatan pelajar dalam aktiviti kolej, semakin besar peluang pelajar dalam meningkatkan pembelajaran dan pembangunan peribadi mereka.

Astin telah mengkaji dan menulis dengan meluas mengenai penglibatan pelajar dalam pendidikan tinggi (Astin, 1993) & (Korn & Hijau, 1987). Astin merujuk pengalaman akademik dalam erti kata yang luas yang merangkumi kedua-dua pembelajaran bilik darjah dan pengalaman di luar kelas. Terdapat lima unsur penting dalam Teori Astin. Pertamanya adalah penglibatan merujuk kepada penglibatan tenaga fizikal dan psikologi dalam pelbagai aktiviti yang benar-benar boleh dirumuskan. Dari segi kajian, semakin banyak aktiviti kokurikulum yang disertai oleh pelajar, semakin tinggi peluang pelajar mendapat penerapan kemahiran insaniah. Kedua, tanpa mengira objeknya, penglibatan berlaku berterusan. Tahap penglibatan pegawai kadet PALAPES adalah berbeza untuk setiap individu walaupun dalam aktiviti yang sama. Dari sudut kajian, penglibatan berlaku secara berterusan oleh para pegawai kadet PALAPES tanpa mengira apa jua jenis aktiviti yang dianjurkan oleh pihak markas PALAPES UTHM.

Ketiga, tahap penglibatan mempunyai ciri kuantitatif dan kualitatif. Hal ini dapat dilihat menerusi sejauh mana penglibatan para pegawai kadet PALAPES dalam aktiviti kokurikulum boleh diukur secara kuantitatif dan kualitatif di mana data kualitatif diperoleh hasil daripada analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual yang dijalankan ke atas tiga orang pelajar iaitu Pegawai Kadet PALAPES peringkat Senior, rakan baik kepada salah seorang Pegawai Kadet PALAPES peringkat Senior terbabit, pensyarah kepada salah seorang Pegawai Kadet PALAPES peringkat Senior, serta Ketua Jurulatih PALAPES UTHM. Data kuantitatif pula diperolehi hasil edaran soal selidik kepada Pegawai Kadet PALAPES peringkat Senior UTHM

yang terlibat secara aktif sepanjang latihan diadakan oleh badan beruniform PALAPES UTHM semester 1 sesi 2012/2013.


Seterusnya yang keempat, tahap pembelajaran dan pembangunan peribadi pelajar dikaitkan dengan mana-mana program pendidikan yang berkadar terus dengan kualiti dan kuantiti penglibatan pelajar dalam program dan yang terakhir sekali adalah keberkesanan apa-apa dasar pendidikan atau amalan secara langsung berkaitan dengan kapasiti bahawa dasar atau amalan untuk meningkatkan tahap penglibatan pelajar. Hal ini dapat dilihat menerusi amalan harian para pegawai serta jurulatih PALAPES UTHM yang mana akan memberi kesan kepada amalan harian para pegawai kadet PALAPES UTHM sepanjang latihan dijalankan sama ada di markas atau di luar kawasan markas.

Pada peringkat institusi pengajian tinggi, tahap penglibatan pelajar dapat dilihat dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum menerusi penyertaan pelajar dalam kelab, persatuan serta badan beruniform. Dalam kajian ini, tahap pembangunan peribadi pelajar diukur melalui penerapan kemahiran insaniah (KI) menerusi kokurikulum badan beruniform. Pengkaji memilih kemahiran komunikasi iaitu satu daripada tujuh elemen KI yang telah digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), 2006.

Pengkaji memfokuskan lagi skop kajian dengan mengkaji penerapan kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar menerusi badan beruniform PALAPES. Berpandukan elemen-elemen komunikasi yang telah digariskan oleh KPT (2006), pengkaji menggunakan elemen-elemen ini bagi mendasari kajian ini. Elemen-elemen komunikasi yang digunakan seperti; kebolehan menyampaikan idea dengan jelas, berkesan dan penuh keyakinan, kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberi maklum balas serta kebolehan mengembangkan komunikasi perseorangan.

Chi Hung, Chi Wing & Po On (2001) menggunakan Teori Astin bagi mendasari kajian yang telah dijalankan mengenai keberkesanan aktiviti kokurikulum dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar di Hong Kong. Dapatan kajian menunjukkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum tidak dapat meningkatkan pencapaian akademik. Merujuk rajah 1.1 di atas, semakin tinggi kadar penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum, semakin besar peluang pelajar dalam meningkatkan kemahiran insaniah (KI) mereka. Teori ini berketepatan dengan objektif kajian pengkaji. Penganjuran aktiviti kokurikulum yang banyak oleh badan

beruniform PALAPES membolehkan para pelajar yang menyertai PALAPES berpeluang besar untuk meningkatkan kemahiran komunikasi.



Rajah 1.1: Kerangka teori
Diadaptasi dan diubahsuai daripada Astin (1984)

Menerusi pengalaman pengurusan organisasi serta aktiviti-aktiviti PALAPES yang dijalankan seperti ilmu medan perang, baca peta, taktik dan regimental, pengkaji menggunakan elemen-elemen komunikasi iaitu kebolehan menyampaikan idea dengan jelas, berkesan dan penuh keyakinan secara lisan Bahasa Inggeris, kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberi maklum balas dalam Bahasa Inggeris, kebolehan membuat pembentangan secara jelas dengan penuh keyakinan dan bersesuaian dengan tahap pendengar dalam Bahasa Inggeris serta kebolehan mengembangkan komunikasi perseorangan Bahasa Inggeris dalam menjalankan kajian. Oleh itu, pengkaji mengadaptasikan teori ini berdasarkan


kesesuaian objektif yang hendak dicapai dalam kajian pengkaji untuk melihat penerapan elemen-elemen komunikasi Bahasa Inggeris menerusi badan beruniform PALAPES UTHM

1.12 Kerangka konsep

Kerangka konsep seperti Rajah 1.2 menjadi asas kajian bagi pengkaji dalam melaksanakan kajian ini. Kerangka konsep ini dibina bagi mengkaji penerapan kemahiran berkomunikasi terutama penguasaan dan kesedaran Bahasa Inggeris dibentuk dalam kalangan pelajar menerusi badan beruniform PALAPES di UTHM.

Kajian ini secara umumnya mengkaji adakah terdapat penerapan kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris dalam kalangan pegawai kadet PALAPES UTHM. Elemen-elemen kemahiran komunikasi yang dipilih untuk diuji adalah berdasarkan rubrik KI yang terdapat dalam Modul KI UTHM. Dalam kajian ini elemen kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris merupakan iaitu kebolehan menyampaikan idea dengan jelas, berkesan dan penuh keyakinan secara lisan Bahasa Inggeris, kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberi maklum balas dalam Bahasa Inggeris, kebolehan membuat pembentangan secara jelas dengan penuh keyakinan dan bersesuaian dengan tahap pendengar dalam Bahasa Inggeris serta kebolehan mengembangkan komunikasi perseorangan Bahasa Inggeris merupakan pemboleh ubah bersandar, manakala penerapan, kesedaran dan penguasaan pelajar terhadap elemen-elemen komunikasi tersebut merupakan pemboleh ubah tidak bersandar.

Elemen kemahiran komunikasi yang dikaji adalah Kemahiran Insaniah Mesti (KIM) iaitu kebolehan menyampaikan idea dengan jelas, berkesan dan penuh keyakinan serta kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberi maklum balas dan Kemahiran Insaniah Tambahan (KIT) merangkumi serta kebolehan mengembangkan komunikasi perseorangan.



Rajah 1.2: Kerangka konsep
(Diadaptasi dan diubah suai daripada KPT (2006))

Pengkaji memilih beberapa aspek yang ingin dikaji dalam organisasi dan aktiviti PALAPES UTHM iaitu penerapan, penguasaan serta kesedaran kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris dalam kalangan pegawai kadet PALAPES UTHM. Ini dilakukan untuk mengenal pasti sama ada penubuhan badan beruniform ini digunakan sepenuhnya dalam membantu ahli-ahlinya melengkapkan diri dalam kemahiran komunikasi terutamanya Bahasa Inggeris seterusnya meningkatkan tahap keyakinan serta kualiti sebagai bakal graduan yang terampil sebelum menamatkan pengajian di Institut Pengajian Tinggi ini kelak.

1.13 Rumusan

Bab ini telah menghuraikan pengenalan, latar belakang masalah yang ingin dikaji, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, teori kajian, batasan kajian dan konsep kajian yang digunakan dalam kajian ini. Bab satu telah menerangkan secara ringkas keseluruhan isi kandungan kajian ini. Keterangan yang selanjutnya dibincangkan dalam bab dua hingga bab lima.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR


2.1 Pengenalan kokurikulum

Kokurikulum ialah satu saluran pembelajaran berasaskan gerak kerja yang tersusun dan terancang yang sebahagian besar aktivitinya dilakukan di luar bilik darjah seperti permainan, perkhemahan dan sebagainya. Kadangkala aktiviti kokurikulum juga dilaksanakan di dalam bilik darjah seperti syarahan, ceramah dan tunjuk cara. Aktiviti, proses dan isi kandungan pengajaran dan pembelajaran kokurikulum dilaksanakan sama ada melalui badan beruniform, persatuan, kelab, sukan dan permainan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000). Chek Pi & Omar (2002), kokurikulum adalah aktiviti terancang dan berstruktur di luar bidang akademik. Kokurikulum juga merupakan kegiatan luar bilik darjah seperti sukan, aktiviti badan beruniform serta aktiviti kelab dan persatuan yang dilakukan di luar waktu persekolahan dan aktiviti ini mestilah dianjurkan oleh pihak sekolah. Selain itu, Amir Hassan Dawi (2002) menjelaskan kokurikulum ialah merupakan aktiviti-aktiviti di luar kurikulum dan menjadi sampingan kepada aktiviti-aktiviti kurikulum.

Menurut Puteh (2006), kokurikulum bukan sahaja mengandungi program-program formal yang dipelajari di dalam bilik darjah atau kuliah, malah merangkumi juga aktiviti-aktiviti tidak formal yang secara umumnya dianggap sebagai *extra-curricular*. Aktiviti-aktiviti kokurikulum dapat menyediakan peluang kepada pelajar

untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang telah dipelajari di bilik darjah (Aminuddin & Borhan, 2002). Oleh kerana kokurikulum merupakan program pendidikan atau pembelajaran tidak formal, aktiviti-aktiviti yang dijalankan itu adalah saling melengkapi di antara satu sama lain.

Covey (1996) telah memberi penekanan kepada pembaharuan empat dimensi sifat manusia iaitu fizikal, mental, sosio-ekonomi dan rohani. Dimensi fizikal merupakan aspek yang penting dalam penjagaan tubuh badan yang sihat. Dengan tubuh badan yang sihat, mental pelajar akan dapat diperkembangkan. Untuk itu, disiplin luaran daripada bilik darjah seperti aktiviti kokurikulum dapat membina peribadi serta memartabatkan dimensi mental pelajar ke arah kecemerlangan. Empat dimensi sifat manusia yang dicadangkan oleh Covey (1996) digambarkan dalam rajah 2.1.



Rajah 2.1 : Empat dimensi sifat manusia (Covey, 1996).

Dalam keadaan ini, kokurikulum menjadi kesinambungan kepada kurikulum. Nordin & Othman (2003), juga turut menjelaskan bahawa kokurikulum sebelum ni dipanggil sebagai *extra-curricular* yang membawa maksud program pendidikan yang terletak di luar ruang litup pendidikan yang sebenar. Perkembangan kemudiannya membuatkan pakar-pakar pendidikan merubah sikap lalu menganggap bahawa program *extra-curricular* itu adalah sama sahaja pentingnya dalam proses membina sahsiah yang seimbang bagi setiap pelajar. Oleh itu, program yang dahulunya dikatakan sebagai *extra* atau tambahan, kini dianggap sebagai sama penting dengan kurikulum (akademik) yang sedia ada. Selaras dengan kepercayaan itulah maka *extra-*

curricular itu kemudiannya diubah kepada *cocurricular* atau kokurikulum (Mohaney, 2003).

Menurut Abdul Manaf & Omar Fauzee (2002), kokurikulum dapat memberi banyak manfaat dan kepentingan kepada pelajar. Kokurikulum merupakan satu saluran yang menggalakkan perkembangan pelajar dan sifat kreativiti pelajar, di samping dapat memberikan latihan awal dari segi kepimpinan, sahsiah dan kemasyarakatan di kalangan pelajar. Melalui aktiviti kokurikulum, para pelajar dapat mengembangkan bakat, potensi diri dan minat dalam kegiatan yang diceburi serta mempunyai sikap inovatif dan kreatif. Di samping itu, kokurikulum juga membantu proses pembentukan diri pelajar dengan menjadikan mereka sebagai warganegara yang lengkap dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Hassan & Safar (2010) menyatakan bahawa kokurikulum dan kurikulum merupakan dua unsur yang saling berkait dan lengkap-melengkapi antara satu sama lain di dalam sistem pendidikan Malaysia. Aktiviti kokurikulum dilihat dapat membantu proses pengukuhan dan pengayaan pembelajaran pelajar di dalam kelas.

Perkara ini turut diperkukuhkan oleh Mohd Zulkifli (2005), yang menyatakan bahawa penglibatan pelajar dalam kokurikulum diharapkan dapat merialisasikan matlamat negara untuk mewujudkan suatu bangsa yang bermoral dan bercorak Malaysia yang bersatu padu. Hasrat ini akan hanya tercapai sekiranya pelajar diberikan pendidikan kokurikulum yang menyeluruh merangkumi JERI selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara. Selain itu, menerusi aktiviti kokurikulum, para pelajar akan berkesempatan untuk berinteraksi secara menyeluruh di antara mereka dan ini dapat memberi peluang kepada mereka untuk meluaskan pandangan dan memupuk persepsi yang positif dalam konteks masyarakat yang lebih baik dari segi kaum, agama, umur dan latar belakang sosio-ekonomi (Yahya, 2003).

2.2 Kokurikulum di Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

Aktiviti kokurikulum di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) menjadi pelengkap kepada kitaran pendidikan yang melibatkan domain kognitif, afektif dan psikomotor (Blue & Cook, 2004). Aspek afektif dan psikomotor dapat diaplikasikan penerapannya dalam

kokurikulum yang melibatkan lima komponen asas iaitu sukan, persatuan, kesenian dan badan beruniform (Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi, 2006).

Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 memperakukan kepentingan kegiatan kokurikulum dan sukan pada semua peringkat persekolahan. Semua pelajar diwajibkan mengambil bahagian dalam sekurang-kurangnya satu kelab atau persatuan mata pelajaran atau gabungan, pasukan beruniform dan aktiviti permainan atau sukan. Memorandum Langkah Untuk Memantapkan Program Kurikulum pada tahun 2005 memutuskan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum menyumbang sebanyak 10 peratus kepada syarat kelayakan masuk ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA), Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Sekolah Menengah Teknik (SMT). Menurut Abdullah (2010) nisbah 90 peratus akademik dan 10 peratus kokurikulum untuk kemasukan ke IPTA masih lagi digunakan sehingga kini malahan pada tahun 2009, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah melancarkan buku panduan penyelarasan pemberian jam kredit kokurikulum untuk institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta.

Rosovsky (1991) menyatakan Universiti Harvard juga memberikan pemberatan lebih besar terhadap kokurikulum dalam konteks syarat kemasukan ke universiti tersebut. Pernyataan ini turut diperkukuhkan oleh Richard Bradley (2005) dalam bukunya Harvard Rules untuk memasuki Universiti Harvard, iaitu universiti terbaik di dunia, kelulusan akademik sahaja tidak memadai. Calon juga perlu mempunyai ciri seperti ahli muzik, saintis, usahawan, ahli sukan dan sebagainya yang bertaraf dunia.

Kokurikulum di IPT diberi keutamaan apabila Jabatan Pengajian Tinggi Malaysia telah menyasarkan pelaksanaan kokurikulum berkredit di semua IPT pada tahun 2007. Kementerian telah menerapkan lapan teras kokurikulum untuk di laksanakan di IPT. Teras tersebut ialah sukan, kebudayaan, daya usaha dan inovasi, pengucapan awam, kesukarelaan, khidmat komuniti serta keusahawanan dan kepimpinan. (Badusah, Awang Hashim, Konting, Suandi, Salih & Yusof, 2009). Seterusnya kokurikulum semakin penting apabila Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2011) telah melancarkan Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara Fasa 2 (2011-2015). Antara Projek Agenda Kritikal (CAP) ialah Pembangunan Holistik Pelajar. Menerusi CAP tersebut, fokus pelaksanaan diletakkan dalam konteks kokurikulum atas justifikasi kokurikulum mengandungi falsafah dan amalan praktikal


yang dapat membangunkan pelajar secara menyeluruh. Oleh yang demikian, adalah menjadi akauntabiliti kepada semua warga IPT merealisasikan CAP Pembangunan Holistik Pelajar menerusi kokurikulum. Akauntabiliti tersebut hakikatnya adalah amanah terhadap Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Pada tahun 1984, Universiti Utara Malaysia (UUM) merupakan universiti pertama yang telah mewajibkan kepada semua pelajar mengikuti kegiatan kokurikulum. Jumlah kredit yang ditawarkan kepada pelajar ialah empat jam kredit dan menjadi sebahagian daripada syarat penganugerahan ijazah. Memenuhi hasrat universiti mewujudkan pendidikan yang seimbang dan menyeluruh, melatih aspek kepimpinan dengan menitikberatkan disiplin, organisasi dan kerjasama kumpulan dalam kalangan pelajar serta memberi peluang kepada para pelajar mengasah bakat dan kemahiran ke arah *self-actualization* untuk faedah diri, rakan dan masyarakat serta memupuk semangat kerjasama dan perpaduan kaum. Item-item ini adalah di antara objektif kegiatan kokurikulum UUM (Pusat Kokurikulum UUM, 2002/2003:9).

Menurut Safarin (2005) Kegiatan kokurikulum di politeknik juga diwajibkan kepada semua pelajar dan dilaksanakan pada semesta pertama dan kedua dengan setiap semesta mempunyai satu kredit dan mempunyai kurikulum tersendiri serta diurus oleh Majlis Penyelaras Kokurikulum. Seperti di institusi pendidikan lain, kegiatan kokurikulum di politeknik juga dibahagikan kepada tiga kegiatan utama iaitu kelab dan persatuan, sukan dan permainan serta badan beruniform. Namun begitu tiga kegiatan tersebut hanya diwajibkan kepada pelajar apabila mereka berada di semesta kedua kerana pada semesta pertama, pelajar diwajibkan mengikuti kegiatan kokurikulum Polibriged. Pelaksanaan Polibriged di Politeknik merupakan satu keunikan kerana bentuk kegiatan tersebut tidak dilaksanakan di institusi pendidikan yang lain di Malaysia (KPT, 2006).

Kegiatan kokurikulum di politeknik-politeknik Malaysia mempunyai beberapa wawasan utama iaitu menjadi saluran untuk memupuk perpaduan dan pembentukan pembangunan diri pelajar (Bahagian Kurikulum Teknikal dan vokasional, 2002). Matlamat pelaksanaan kokurikulum ini yang menyokong Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan warganegara yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek serta menyokong Misi Politeknik iaitu untuk mengeluarkan tenaga separa professional berkualiti yang berketerampilan, mempunyai sifat kepimpinan dan jati diri. Hal ini jelas menunjukkan peranan kokurikulum dalam membentuk sahsiah

diri pelajar dengan penekanan kemahiran generik (*Soft Skills*) di politeknik-politeknik di Malaysia adalah relevan.



Rajah 2.2: Model konseptual Pembangunan Pelajar berteraskan kokurikulum

Berdasarkan Model Koseptual (Rajah 2.2), pembangunan pelajar berteraskan kokurikulum adalah untuk mengembleng keseluruhan kompetensi seseorang pelajar yang melibatkan fungsi, teras dan profesional. Pembangunan Insaniah setiap pelajar di IPT dilaksanakan melalui kursus kokurikulum dengan berteraskan lapan domain (Badusah *et al.*, 2009). Setiap komponen mempunyai pecahan yang tersendiri. Sebagai contoh, komponen sukan menawarkan 11 pilihan kursus. Setiap kursus bernilai 2 kredit yang dijalankan dalam tempoh 2 semesta. Pelajar boleh mengikuti pelbagai kursus kokurikulum sukan di sepanjang tiga atau empat tahun pengajian atau mereka boleh memilih kursus yang lain dalam komponen persatuan, kebudayaan atau badan beruniform (Hasyim & Konting, 2009). Pelajar yang terlibat dalam kokurikulum badan beruniform khusus seperti PALAPES dan SUKSIS tidak berpeluang mengikuti kursus kokurikulum lain kerana pakej kursus ini melibatkan enam semesta yang berjumlah kredit. Namun, hasil pembelajaran KI yang diperoleh

daripada PALAPES dan SUKSIS adalah seimbang, khususnya kemahiran kepimpinan kecuali kemahiran keusahawanan (KPT, 2006).

Secara keseluruhannya, pemerkasaan kokurikulum dalam sistem pengajian di IPT perlu diberi penekanan sewajarnya. Langkah ini sejajar dengan dasar KPT yang menerima guna pencapaian kokurikulum seseorang pelajar di sekolah menengah. Sebanyak 10 peratus diperuntukkan bagi markah atau merit kegiatan kokurikulum. Oleh itu, wajarlah usaha memperkasakan kokurikulum di IPT diteruskan serta ditingkatkan agar kesinambungan proses KI terus berlaku.

2.3 Penerapan kemahiran insaniah menerusi kokurikulum

Pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT), kokurikulum mula diberi keutamaan apabila Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006) melancarkan Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (KI). Menurut modul tersebut, KI juga di kenali sebagai kemahiran generik. Walaupun tidak terdapat satu senarai kemahiran yang khusus, tetapi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah memilih kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral professional dan kemahiran kepimpinan untuk dikuasai oleh pelajar di IPT (KPT, 2006). Pemilihan kemahiran tersebut adalah untuk menyediakan modal insan yang dapat memenuhi keperluan tuntutan pasaran pekerjaan global. Menurut Azalya (2005), KI diperlukan oleh seorang pelajar untuk mengadaptasikan diri dengan pelbagai situasi pekerjaan dan sekali gus dapat melahirkan seorang pelajar yang berkualiti dalam semua bidang.

Di luar negara, kokurikulum bukan sahaja dapat membangunkan KI pelajar tetapi turut memainkan peranan penting dalam pembangunan kognitif pelajar (McCluskey-Titus, 2003). Kajian yang telah dijalankan oleh Blue & Zoller (2012) mendapati pelajar yang mengambil bahagian dalam kokurikulum pendidikan interprofesional mempunyai sikap yang lebih positif dari segi kemahiran bekerja di dalam kumpulan dan melihatkan nilai kerjasama yang tinggi berbanding pelajar yang tidak mengambil bahagian dalam kokurikulum ini. Hal ini juga turut diperkukuhkan

RUJUKAN

- A. Jalil, N. A. (2012). *Pembangunan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Menerusi Aktiviti Kokurikulum Khidmat Masyarakat Dalam Kalangan Pelajar UTHM*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Abdul Ghafar, M. N. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Ghafar, M. N. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan, Soal Selidik Pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Razzaq, A. R., Sawah, S., Md. Yunus, J. & Hashim, J. (2008). Penerapan Dan Penguasaan Kemahiran Generik Dalam Proses P&P Bagi Program Pengurusan Hotel Dan Katering Di Politeknik Ke Arah Keperluan Industri. *Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial*. Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Abu, A. G. (2007). *Pembentukan Sahsiah Diri Melalui Aktiviti Kokurikulum*. Dewan Siswa, 14-16.
- Abdul Hamid, R. (2012). *Pembangunan Kemahiran Kerja Berpasukan Menerusi Kokurikulum Sukan Bola Sepak Dalam Kalangan Pelajar UTHM*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Thesis Sarjana.
- Abu Hassan, F., Wan Mohd Amin, W. A. A. & Amiruddin, N. A. (2008). Kesan Penglibatan Aktiviti Kokurikulum Terhadap Tahap Kemahiran Insaniah Di Kalangan Pelajar Tahun Akhir. *Prosiding Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008*. Skudai: UTHM.
- Abdul Kadir, R. (2001). *Kaunseling Pelbagai Budaya*. Universiti Putra Malaysia: Tesis Fakulti Pengajian Pendidikan.
- Abdul Latif, R. (2005). Pengaruh Pemboleh Ubah Peramal Ke Atas Tingkah Laku Agresif Di Kalangan Pemain Bola Jaring Peringkat Kebangsaan. *Prosiding 1st Asia Pacific Sports Science Conference 2005*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

- Abdul Manaf, R. & Omar Fauzee, M. S. (2002). *Kepentingan Kokurikulum Dalam Sistem Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Rashid. A. R. (2000). *Pendidikan Menjurus Kepada Dunia Pekerjaan Dalam Wawasan & Agenda Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Abidin, I., Hashim, H., & Razali, J. R. (2006). Wataniah Sebagai Pemangkin Penguasaan Soft Skills di Kalangan Siswa Siswi KUKTEM. *Persidangan Pembangunan Pelajar Kebangsaan (NASDEC)*. Kuala Lumpur.
- Adnan. H. & Raja Roslan Raja Abd. Rahman, R. R. (2010). Keberkesanan Pelaksanaan Aktiviti Fizikal Terhadap Pembangunan Diri Pelajar: Satu Tinjauan. *Journal of Human Capital Development*, 3(2), 119-132.
- Akos, P. (2006). Extracurricular Participation and the Transition to Middle School. *RMLE Online Journal*, 29(9), 1-9.
- Alvarez, R. M. & Nagler, J. (2005). *A Method for Weighting Survey Samples of Low-Incidence Voter*. Paper prepared for the 2005 Political Methodology Summer Meeting, Tallahassee, Florida July, 2005 Dicapai pada November 14, 2011 dari <http://www.nyu.edu/gsas/dept/politics/faculty/nagler/weightsmethods11.pdf>
- Amir Hassan Dawi (2002). *Penteorian Sosiologi Dan Pendidikan*. Edisi Kedua. Tanjung Malim: Quantum Books. 188.
- Astin, A.W. (1984). Student Involvement: A developmental theory for higher education. *Journal of College Student Personnel*, 25(4). 297-308.
- Astin, A.W. (1985). *Involvement: The cornerstone of excellence*. Change, 17(4). 34-39.
- Astin, A.W. (1999). Student Involvement: A developmental theory for higher education. *Journal of College Student*.
- Australian National Training Authority (2003). *Defining Generic Skills A Glance*. Adelaide: NCVER Ltd. Dicapai pada April 15, 2012 dari <http://www.ncver.au/research/proj/nr21226.pdf>
- Badawi, A. (2006). Ucapan teks “*Pembangunan Modal Insan Penjana Wawasan 2020*”. Dicapai pada Mac 20, 2012 dari <http://jpmportal.prison.gov.my/akademi/images/ArkibAKM/pembangunan%20modal%20insan%20penjana%20wawasan%202020.pdf>.

- Badusah, J., Awang Hashim, R., Konting, M. M., Saundi, T., M. & Yusof, N (2009). *Pembangunan Pelajar: Memperkasakan Kokurikulum Institusi Pengajian Tinggi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Bahagian Kurikulum Teknikal dan Vokasional (2000). *Politeknik-Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia: Kokurikulum*. Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Teknikal, Kementerian Pendidikan Malaysia. 1-5.
- Bashir, Z. & Hussain, S. (2012). The Effectiveness of Co-curricular Activities on Academic Achievements of Secondary School Students in District Abbottabad Pakistan - A Case Study. *Journal of Education and Practice*, 3(1), 44-48.
- Benkesser, P. & Newtetter, W. (2004). Integrating Soft Skills in a BME Curriculum. *Proceedings of the 2004 American Society for Engineering Education Annual Conference and Exposition*.
- Blue, AV, Zoller, JS. (2012). Promoting Interprofessional Collaboration Through the Co-Curricular Environment. *Health and Interprofessional Practice* 1(2): eP1015. Dicapai pada April 15, 2012, dari <http://commons.pacificu.edu/hip/vol1/iss2/5>
- Blue, D & Cook, J. E. (2004). *High School Dropouts: Can We Reverse the Stagnation in School Graduation*. The University of Texas Dept. of Educational Administration. Dicapai pada Mac 11, 2012 dari <http://www.edb.utexas.edu/hsns/HSNSbrief2.pdf>.
- Buku Panduan Jam Kredit Kokurikulum IPT Dilancar (2009). *MStar Online*. Dicapai pada Mac 18, 2012 dari http://www.mstar.com.my/cerita.asp?file=/2009/12/15/mstar_berita/20091215150725
- Buku Panduan Kokurikulum (2009/2010). Pusat kokurikulum Universiti Pendidikan Sultan Idris. Dicapai pada April. 1, 2012 dari http://pkq.upsi.edu.my/v2/images/buku_panduan.pdf.
- Career Advisory Office (2007). *Communication Skills*. Dicapai pada Mac 19, 2012 dari <http://www.careeradvisory.com/>
- Chek Pi & Omar Fauzi. (2002). *Kokurikulum Menjana Ke Arah Keseimbangan Pelajar*. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. 40-45.
- Chi, H. L., Chi, W. R. N. & Po, O. E. C. (2011). Can Co-curricular Activities Enhance the Learning Effectiveness of Students?: An Application to the Sub-degree Students in Hong Kong. *International Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 23(3), 329-341.

- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Cohen, L. & Manion, L., (1985). *Research Method in Education*, 2nd ed. London: Croom Helm.
- Coiera, E. & Tombs, V. (1998). *Communication Behaviors in a Hospital Setting: An Observational Study*. Agency Mediation Department. Dicapai pada November 18, 2011 dari <http://www.bmj.com/content/316/7132/673>
- Covey, R. S. (1996). *7 Tabiat Orang Yang Amat Berkesan*. Petaling Jaya, Prentice Hall (M) Sdn Bhd.
- Creswell, J. (2003). *Research Design* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Darling, N., Caldwell, L. L., & Smith, R. (2005). Participation in school-based Extra-curricular activities and adolescent adjustment. *Journal of Leisure Research*, 37, 51-77.
- Davis J. W. (2001). *Communication Skills: A Guide for engineering and Applied Science Students*. Singapore : Pearson Education Limited.
- Davis, D. C., & Woodward, B. (2006). An analysis of skills required of graduates of an information systems program. *Information Technology, Learning, and Performance Journal*, 24(2), 11-20.
- Dollah, N. A. (2012). *Pembangunan Kemahiran Penyelesaian Masalah Dalam Kelab Kaunseling Dan Kerjaya (KKDK) UTHM*. UTHM: Tesis Sarjana.
- Ensiklopedia Dunia (2005), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ensiklopedia Global (2001), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Esa, A. (2005). Peningkatan kemahiran bakal pensyarah politeknik menerusi kursus pengurusan kokurikulum. *Jurnal Sains Sosial*.
- Feair, M. A. (2012). *Penerapan dan Kesedaran Pelajar UTHM Terhadap Pembangunan Kemahiran Keusahawanan Menerusi Kokurikulum Badminton*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Fauzee, O., M. S., Yusof, A., Yusof, B., Che Pah, C. A., Muzahar, I. M., & Rohanida (2002). *Kepentingan dan Keperluan Aktiviti Kokurikulum*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Generic Skills*. Dicapai pada Mac 20, 2012 dari <http://www.ncver.edu.au/generic.htm>.
- Gerber, S. (1996). Extracurricular activities and academic achievement. *Journal of Research and Development in Education*, 30, 42-50.

- Gillham, B. (2010). *Developing a Questionnaire*. 2nd ed. New York: British Library Cataloguing in Publication Data.
- Habib, M. B., Nadeem, M. A., Aslam, H. D., Mukhtar Ahmad, M. & Hussain, Z. (2011). Assessing the Role and Importance of Co-curricular Activities in Special People (Deaf) Learning at Elementary Level. *International Journal of Business and Social Science*, 2(11), 165-172.
- Hamidon, J. S., Abd Rashid, K. A. & Ahmad, M. F. B. (2005). *Kemahiran Soft skill Mempengaruhi Pencapaian CGPA Dalam Memenuhi Kebolehpasaran Pekerjaan Terhadap Graduan Politeknik Seberang Perai (PSP)*. Dicapai pada April 10, 2012 dari <http://politeknik.gov.my/webjpp2/penyelidikan/penerbitan/files/Prosiding%20MyTEDT10%20%28110111%29.pdf>
- Hancock, B. (2002). *An Introduction to Qualitative Research*. Division of General Practice University of Nottingham. Dicapai pada Mac 18, 2012 dari http://faculty.cbu.ca/pmacintyre/course_pages/MBA603/MBA603_files/IntroQualitativeResearch.pdf.
- Haron, Z. & Idris, A. A. (2010). *Persepsi Pelajar Terhadap Penerapan Kemahiran Generik Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Kalangan Pelajar Tahun Dua Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Dicapai pada Mac 20, 2012 dari http://eprints.utm.my/10848/1/Persepsi_Pelajar_Terhadap_Penerapan_Kemahiran_Generik_Dalam_Aktiviti_Kokurikulum_Di_Kalangan_Pelajar_Tahun_Dua_Fakulti_Pendidikan.pdf.
- Hassan, H., Ahmad, R. & Bahari, A. (2008). *Kemahiran Insaniah Dan Kepentingan Penerapannya Dalam Program Baktasiswa Perdana UniMAP*. Dicapai pada Mac 18, 2012 dari <http://dspace.unimap.edu.my/>
- Hassan, J. & A. Safar, S. (2010). *Pembinaan Kecemerlangan Diri Pimpinan Pelajar Menerusi Penglibatan Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*. Tesis. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Dicapai pada Mac 18, 2012 dari http://eprints.utm.my/10788/1/Pembinaan_Kecemerlangan_Diri_Pimpinan_Pelajar_Menerusi_Penglibatan_Dalam_Aktiviti_Kokurikulum_Di_Universiti_Teknologi_Malaysia.pdf.

- Idris, N. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Ismat, Saleem. R (2002). Role of Co-Curricular Activities: Survey of the Perceptions of Stake Holders (Case Study of Peshawar District), *Journal of Managerial Sciences*, 2(2), 213-219.
- Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN) (2003). *Masalah Pengangguran Di Kalangan Siswazah*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Jamalis, M. & Fauzee, M. O. (2007). Developing Human Value Through Extra Curricular Activities. *Journal of Human and Adult Learning*, 3(1).
- Judy Sullivan (1999). *Communication Skills for the Environmental Technician*. United State, America : INTELECOM.
- Kearns, P. (2001). *Generic Skills for the New Economy*. Kensington Park: National Centre for Vocational Education Research (NCVER) Ltd. 41-64.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2000). *Kokurikulum*. Dicapai pada Mac 18, 2012 dari <http://myschoolnet.ppk.kpm.my/>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2000). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 12/2000: Lawatan Pendidikan Murid Di Hari Pesekolahan*.
- Konting, M. M. (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Edisi Keenam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Landell, K. (1997). *Management By Menu*. London: Wiley and Sons Inc.
- Lawhorn, B. (2008). *Extracurricular activities*. Occupational Outlook Quarterly Winter 2008–09. Jurnal. Dicapai pada Mac. 18, 2012 dari <http://www.bls.gov/opub/ooq/2008/winter/art02.pdf>.
- Mahat, M. S. (2008). Pembentukan Awal Perwatakan dan Sahsiah Guru Pelatih Melalui Aktiviti GERKO-Olahraga: Satu Tinjauan Persepsi Guru Pelatih di Institut Perguruan Batu Lintang. *Jurnal Penyelidikan Institut Perguruan Batu Lintang*, Jilid 8.
- Mansor, Z. (2008). *Pelaksanaan Dan Penilaian Kemahiran Insaniah Dalam Mata Pelajaran Kokurikulum di UTHM*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Marjohan Jamalis, Mohd Sufian Omar Fauzee (2007). Developing Human Value through Extra Curriculum Activities. *Journal of Human Resource and Adult Learning*, 3(1), 53-60.

- Mat Safar, H. & Hasyim, F.(2007). *Penerapan Kemahiran Insaniah Di Sekolah Menengah Teknik : Satu Analisis Perbandingan*. Jurnal. Dicapai pada Mac 18, 2012 dari http://www.polipd.edu.my/v3/sites/default/files/20111007_Fadilah_Hasmadi.pdf.
- Mat Som, A. P. & Furqan, A. (2010). Nurturing Experiential Learning in Co-Curriculum Activities: Case Studies Of Tourism Clubs In Secondary Schools. *International Journal of Academic Research*, 2(4), 367-372.
- McCluskey-Titus, Phyllis. (2003). Assessing What Students Learn From Involvement in Campus Activities. *Campus Activities Programming*. March, 49-52.
- Md Yunos, J. (2004). Peningkatan Kemahiran Bakal Pensyarah Politeknik Menerusi Kursus Pengurusan Kokurikulum. *Jurnal Sains Sosial*.
- Membangunkan Modal Insan. *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. 58.
- Memperkasa Kokurikulum. *Utusan Online* (2009). Dicapai pada Mac 18, 2012 dari http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0113&pub=utusan_malaysia&sec=Rencana&pg=re_05.htm&arc=hive.
- Merriam, S. B. (2001). *Qualitative Research and Case Study Application in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Pub.
- Mietus, J. R. & William, H. (2000). An Evaluation system For Army ROTC Advanced Summer Camp. Research Institute for the Behavioral and Social Sciences: U. S. Army.
- Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (*Soft Skills*) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (2006). Universiti Putra Malaysia.
- Mohamad Arip, M. & Yusof, B. (2006). *Kokurikulum Dapat Mengurangkan Masalah Sosial Remaja*. Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Amin, N. F. & Abd. Rahim, A. (2010). *Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris Sebagai Persediaan Untuk Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Pendidikan Teknikal Dan Kejuruteraan*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Ikhsan (2000). Keberkesanan Komponen Aktiviti Dalam Kursus Diploma Perguruan Malaysia di Maktab Perguruan Sekitar Kuala Lumpur: Satu Kajian Awal. *Jurnal Teknokrat II*.

- Mohd Noor, N. & Borhan, N. (2010). *Penerapan Kemahiran Generik dalam Kokurikulum di Kalangan Pelajar Tahun Akhir Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan, UTM*, Fakulti Pendidikan, UTM. Dicapai pada April 3, 2012 dari http://eprints.utm.my/10462/1/PENERAPAN_KEMAHIRAN_GENERIK_DALAM_KOKURIKULUM_DI_KALANGAN_PELAJAR_TAHUN_AKHIR_SARJANA_MUDA_TEKNOLOGI_SERTA_PENDIDIKAN.pdf.
- Mohd Noor, N. & Sahimin, S. (2010). *Penerapan Kemahiran Generik Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kolej Yayasan Sabah*. Fakulti Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia. Dicapai pada Mac 18, 2012 dari http://eprints.utm.my/10527/1/PENERAPAN_KEMAHIRAN_GENERIK_DALAM_PROSES_PENGAJARAN_DAN.pdf.
- Mohd Tahir, L. & Othman, O. (2010). *Keperluan Aktiviti Kokurikulum (Beruniform) Kepada Pelajar Tingkatan Empat Di Sekolah Menengah Kebangsaan Di Daerah Langkawi*. Fakulti Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia. Dicapai pada Mac 18, 2012 dari http://eprints.utm.my/11595/1/Keperluan_Aktiviti_Kokurikulum.pdf.
- Mohaney, J. L., Cairos, B.D., Farwer, T.W (2003). Promoting Interpersonal Competencies and Educational Success through Extra-Curricular Activity Participation, *Journal of Educational Psychology*, 95, 409-418.
- Montelongo. R. (2002). Student Participation in College Student Organizations: A Review of Literature. *Jurnal of The Indiana University Student Personnel Assosiation*.50-63.
- Nasharudin, N. & Harun, H. (2010). Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(1)(2010): 11-17. Dicapai pada November 2, 2011. Dari <http://www.ukm.my/jurfpemd/volume35%20pdf/Aspirasi%20Kerjaya%20Keusahawanan%20dalam%20Kalangan%20Pelajar%20Institusi%20Pengajian%20Tinggi%20Awam.pdf>
- National Centre for Vocational Education (NCVER) (2003). *Defining Generic Skill: At A Glance*.
- National Intramural-Recreational Sports Association (2004). *The Value of Recreational sports in Hogher education*. United State: Human Kinetics.
- Nordin, A. B. & Otman, I. (2003). *Falsafah Pendidikan Dan Kurikulum*. Tanjung Malim: Quantun Books.

- Nordin, M. S. & Kamaruddin Mohd Tahir. K. (2004). *Kemahiran Generik—Keperluan dalam memenuhi keperluan majikan masa kini*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Palapes di IPT*. Dicapai pada April 3, 2012 dari <http://palapes.uthm.edu.my/>
- Palapes di Malaysia*. Dicapai pada April 3, 2012 dari <http://army.mod.gov.my/raw/index.php/pasukan/19-pasukan-latihan-pegawai-simpanan-palapes>.
- Pearson, J. C. & Nelson, P. E. (2000). *An Introduction to Human Communication Understanding and Sharinnng*. 8th ed. Amerika Syarikat: McGraw-Hill Higher Education.
- Punch, K. F. (2001). *Developing Effective Research Proposals*. London: Sage.
- Puteh, S. (2006). *Pengurusan Kokurikulum: Modul Pengajaran*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Razali N., Jafar K., Ariff F. H. M., Yaacob N. R., Isa F. L. M., Mustapha R. (2008). Persepsi Pelajar Fakulti Kejuruteraan Terhadap Tahap Kemahiran Komunikasi. *Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan 2008*. Selangor.
- Resnick, L. B. & Wirt, J. G. (1996). *A School To Work Transition System. The Role of Standards & Assessments*. Edisi pertama. San Fransisco : Joey Bass Inc Publisher
- Rosovsky, H. (1991). *The University: An Owner's Manual*. Faculty of Arts and Sciences. University of Harvard.
- Ross, K. N. (2005). *Quantitative Research Methods in Educational Planning*. UNESCO International Institute for Educational Planning. Dicapai pada Mac 19, 2012 dari <http://unesdoc.unesco.org/images/0018/001824/182459e.pdf>.
- Rubin, R. S., Bommer, W. H. & Baldwin, T. T. (2002). *Using Extracurricular Activity As An Indicator On Interpersonal Skill: Prudent Evaluation Or Recruiting Malpractice?*. Human Resource Management, Winter 2002, Vol. 41, No. 4, Pp. 441–454. Dicapai pada Mac 20, 2012 dari <http://collegiateassessment.com/acarticle2.pdf>.
- Rosli Saadan, R., Bokhari, M., Yahya, A., Noor Rajikon, M. A., Syed Hassan, S. N., & Mohd Pilus, A. (2011). Keberkesanan Kursus Kokurikulum Berkredit dalam Memperkasakan Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar Institusi

- Pengajian Tinggi Awam. *Journal of Human Capital Development*, 4(1), 108-123.
- Sarah, K., (2011). The Veterans Health Administration: Implementing Patient-Centered Medical Homes in the Nation's Largest Integrated Delivery System. Case Study.
- Sejarah Askar Wataniah Di Malaysia. Dicapai pada Mac 24, 2012 dari <http://army.mod.gov.my/raw/index.php/pengenalan/13-sejarah-askarwataniah-malaysia>
- Sejarah Penubuhan PALAPES di IPTA. Dicapai pada Mac 24, 2012 dari <http://palapes.uthm.edu.my/penubuhan/sejarah.html>
- Sekaran, U. (1992). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*, 2nd ed. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Sikor, A., Mohd Razali, N. A., Hassan, R., Madar, A. R., (2010). *Penguasaan Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Pelajar Politeknik Kota Baharu*. Fakulti Pendidikan Teknikal : Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Spitzberg, B. H. (1997). A model of intercultural communication competence, in Samovar L. A. & Porter R. E., *Intercultural Communication: A Reader*, 8th ed. Belmont CA: Wadsworth Publishing Co. pp. 379-93.
- Suratman, Y. (2002). *Nota Kaedah Penyelidikan Pengurusan Teknologi*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Syed Sofian, S. K. (2009). *The Identification Of Entrepreneurial Characteristics Among Secondary School Students In The District Of Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan*. Universiti Pertanian Malaysia.
- The Australian Industry (2007). *Graduate Employability Skills* dicapai pada Mac 18, 2012 dari <http://www.dest.gov.au/NR/rdonlyres/E58EFDBE-BA83-430EA541-2E91BCB59DF1/20214/GraduateEmployabilitySkillsFINALREPORT1.pdf>.
- Universiti Putra Malaysia (2007). *Kursus Kokurikulum Berkredit*. Dicapai pada Disember. 31, 2012 dari http://www.pkk.upm.edu.my/index.php?option=com_content&task=view&id=71
- Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (2007). *Panduan Kemahiran Insaniah (Soft Skill)*. Batu Pahat, Johor : Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

- Wilson, N. L. (2009). *Impact of Extracurricular Activities on Students*. Jurnal The Graduate School University of Wisconsin-Stout. Dicapai pada Mac 19, 2012 dari <http://www2.uwstout.edu/content/lib/thesis/2009/2009wilsonn.pdf>.
- Vissbr, S. B., Krosnick, J. A. And Lavraws P. J. (1999). *Survey Research*. Dicapai pada November 14, 2011 dari http://comm.stanford.edu/faculty/krosnick/Survey_Research.pdf.
- Yaacob, H. F. (2001). *Komunikasi diantara Manusia*. Johor, Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Mohamed Ariffin, M. Y. (2010). Kemahiran insaniah tingkat kualiti pelajar. *Berita Harian*. ms, 54.
- Yahya, A. S. (2003). *Mengurus Sekolah*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Yusof, A. A. (2003). *Performance Appraisal: Issues, Challenges & Prospects*. Harlow, England: Pearson/Prentice Hall.
- Yussof, I., Ismail, R. & Sidin, R. (2008). *Graduan dan Alam Pekerjaan: Kes Siswazah UKM Graduates and Employment: The Case of UKM's Graduates*. *Akademika 72 (Januari) 2008*. Dicapai pada Mac, 19, 2012 dari [http://www.ukm.my/penerbit/akademika/ACROBATAKADEMIKA72/akademika72\[01\].pdf](http://www.ukm.my/penerbit/akademika/ACROBATAKADEMIKA72/akademika72[01].pdf).
- Yusoff & Rahim (2010). Tahap Kemahiran Insaniah (KI) Pelajar Semester 7 Kemahiran Hidup di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UPSI.